A

MUHAMMAD SANUSI MD NOR

lwn.

MOHD TAJUDIN ABDULLAH & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR STAR
BALIA YUSOFF WAHI H
[PETISYEN PILIHANRAYA NO: PP-26-02-2008]
4 JULAI 2008

C ***PILIHAN RAYA:*** *Petisyen - Bantahan awal - Penyerahan notis petisyen - Sama ada menepati k. 15(1) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 - Sama ada notis petisyen salah dan defektif - Sama ada berlakunya percanggahan atau perbezaan - Sama ada petisyen tidak kompeten dan dilarang di bawah peruntukan s. 9A Akta Pilihan Raya*
D *1958 - Sama ada petisyen gagal menyatakan bagaimana ketidakpatuhan undang-undang bertulis telah menyentuh keputusan pilihan raya - Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, s. 32(b) - Soal 'constitutionality' dan kesahan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 - Sama ada isu yang boleh diputuskan oleh mahkamah - Sama ada di*
E *luar bidangkuasa mahkamah - Sama ada petisyen dibatalkan*

Petisyen pilihanraya ini telah difailkan oleh pempetisyen Muhammad Sanusi Md Nor iaitu calon di dalam pilihanraya yang telah diadakan pada 8 Mac 2008 bagi Bahagian Pilihan Raya Dewan
F Undangan Negeri N.23 Belantek, Kedah. Di dalam pilihanraya tersebut, satu Mohd Tajudin Abdullah, responden pertama di dalam petisyen ini yang merupakan calon Parti Barisan Nasional telah dilaporpilih sebagai calon yang memenangi pilihanraya tersebut. Pempetisyen memohon dari mahkamah ini, relif-relif,
G antara lain iaitu (i) satu perisytiharan bahawa Senarai Nama Pemilih Baru tersebut, iaitu 952 orang pengundi pos adalah tidak sah dan bahawa kesemua pengundi pos tersebut tidak layak untuk mengundi dalam Pilihan Raya bagi Bahagian Pilihan Raya N.23 Belantek yang diadakan dan (ii) satu perisytiharan bahawa
H responden pertama telah tidak dipilih dengan sewajarnya atau sepatutnya tidak dilaporpilih. Alasan-alasan yang dikemukakan oleh pempetisyen bagi menyokong permohonannya adalah (1) ketidakpatuhan peruntukan undang-undang bertulis berhubungan penjalanan pilihanraya oleh responden ketiga dan bahawa
I pilihanraya tidak dijalankan mengikut prinsip dalam undang-undang bertulis (s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954) dan (2)

Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 adalah *ultra vires* peruntukan dalam Akta Pilihan Raya 1958 dan perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan. Responden-responden di dalam kes ini telah mengemukakan bantahan awal iaitu (a) penyerahan dokumen-dokumen (Notis Pengemukaan Petisyen dan Petisyen) yang dilakukan oleh pembantu khas Menteri Besar Kedah bertentangan dan tidak menepati k. 15(1) Kaedah-kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 kerana beliau bukanlah pempetisyen di dalam petisyen pilihan raya ini; (b) notis petisyen pilihan raya adalah salah dan defektif kerana petisyen pilihanraya yang diserahkan kepada responden pertama adalah suatu petisyen yang telah difailkan di Mahkamah Tinggi Alor Setar, Kedah pada 29 April 2008 dan bukannya petisyen yang dikemukakan pada 28 April 2008 sepertimana yang disebutkan di dalam notis petisyen pilihan raya tersebut dan ini jelas menunjukkan percanggahan atau perbezaan di antara petisyen dan notis petisyen tersebut; (c) petisyen ini adalah tidak kompeten dan dilarang di bawah peruntukan s. 9A Akta Pilihan Raya 1958 dan (d) petisyen gagal menyatakan bagaimana ketidakpatuhan undang-undang bertulis berkaitan dengan penjalanan pilihanraya telah menyentuh keputusan pilihanraya berkenaan mengikut peruntukan s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Diputuskan (membatalkan petisyen dengan kos):

(1) Terdapat serahan yang sah telah dilakukan di dalam kes ini walaupun penyerahan dokumen-dokumen tersebut telah dilakukan oleh bukan pempetisyen sendiri. Penyerahan oleh satu Muhamad Ismadi Abdul Kadir adalah di bawah arahan peguamcara petisyen dan serahan juga telah dibuat kepada responden pertama dan responden kedua dengan secara kediri. Penyerahan ini adalah menepati kehendak k. 15(1) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 dari kesemua aspek dan kehendak Kaedah tersebut. Tidak terdapat sebarang syarat bahawa penyerahan hendaklah dibuat oleh pempetisyen sendiri. Maksud dan tujuan k. 15(1)(a) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 adalah tentang penyampaian/serahan kepada responden secara kediri dan ini telah dilakukan dan hasrat serta maksud kaedah tersebut adalah tercapai dengan cara penyerahan yang dilakukan dalam kes ini. Tiada prejudis telah berlaku kepada responden pertama dengan penyerahan sedemikian. (perenggan 15, 16 & 17)

A **(2)** Notis petisyen pilihan raya yang diserahkan kepada responden itu adalah mengelirukan dan boleh menimbulkan kekeliruan kepada responden tentang kemungkinan wujudnya dua notis petisyen pilihanraya dan ini akan menimbulkan prejudis kepada responden pertama. Petisyen yang diterima dan diserahkan
B kepada defendan pertama adalah yang dikemukakan dan diendoskan oleh mahkamah pada 29 April 2008 sedangkan notis petisyen pilihanraya menyatakan ada petisyen pilihanraya yang dikemukakan pada 28 April 2008 yang boleh didapati salinannya di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Alor Star,
C Kedah. Mahkamah terpaksa memberikan interpretasi yang lebih memihak kepada responden apabila berhadapan dengan situasi di mana terdapat dua kesimpulan yang timbul dalam meneliti dan menginterpretasikan notis yang dikemukakan itu. Justeru itu, bantahan yang dibuat oleh responden pertama atas alasan
D ini adalah berasaskan dan dibenarkan. Notis petisyen pilihanraya yang diserahkan kepada responden pertama ini adalah cacat dan tidak sah. (perenggan 22)

(3) Alasan-alasan yang dibangkitkan oleh pempetisyen merupakan
E cabaran kepada perkara yang berkaitan dengan daftar pemilih, khususnya berhubung dengan proses penyediaan daftar pemilih. Petisyen pilihanraya adalah merupakan pertikaian dalam perkara yang berhubungan dengan penjalanan pilihanraya. Tiada apa-apa fakta telah dikemukakan oleh pempetisyen untuk
F menyokong dakwaan telah berlaku apa-apa ketidakpatuhan mengenai penjalanan pilihanraya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihanraya) 1981. Daftar pemilih adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan di dalam mana-mana mahkamah
G sepertimana yang diperuntukkan di dalam s. 9A Akta Pilihan Raya 1958. Dakwaan pempetisyen di dalam petisyen ini bahawa daftar pemilih tambahan tidak disediakan, disiar dan disemak mengikut peruntukan s. 9(1) Akta Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 adalah tidak bersangkut dengan
H cara pilihanraya itu diadakan. Begitu juga dengan kecuaian, kesilapan dan ketidakpatuhan responden ketiga kepada peruntukan tersebut adalah bukan bersangkut dengan cara pilihanraya itu telah dijalankan. Cabaran yang dikemukakan oleh pempetisyen bukanlah terhadap penjalanan pilihan raya
I tersebut tetapi terhadap kesahan daftar pemilih yang telah dimuktamadkan. Alasan yang dikemukakan oleh pempetisyen mengenai cabarannya kepada daftar pemilih adalah di luar

bidangkuasa mahkamah ini untuk memutuskannya. Petisyen ini adalah cacat dan bantahan yang dikemukakan oleh responden-responden atas isu ini adalah berasas dan diterima. (perenggan 27, 29, 30 & 31)

(4) Petisyen ini tidak menyentuh langsung apa-apa ketidakpatuhan undang-undang berkaitan dengan penjalanan pilihan raya yang seharusnya menjadi alasan dan asas untuk mengistiharkan pilihan raya itu tak sah atau batal. Ketidakpatuhan yang dibangkitkan oleh pempetisyen adalah mengenai ketidakpatuhan kepada peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pilihan Raya 1958 dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Ketidakpatuhan yang disebutkan oleh pempetisyen ini adalah bukan berhubungan dengan penjalanan pilihanraya. Petisyen yang dikemukakan ini adalah cacat dan 'bad in law' kerana gagal mematuhi kehendak s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Kegagalan mematuhi peruntukan mandatori di dalam undang-undang pilihan raya dan berikutan dengan prinsip pematuhan ketat yang disebutkan, membawa padah kepada petisyen yang dikemukakan. Bantahan awal yang dibuat oleh responden-responden atas isu ini adalah bermerit dan petisyen ini hendaklah terbatal. (perenggan 33 & 36)

(5) Pempetisyen mengatakan dan membangkitkan soal 'constitutionality' dan kesahan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003. Perkara ini bukanlah merupakan isu yang boleh diputuskan oleh sesebuah mahkamah yang mendengar petisyen pilihan raya. Perkara ini di luar bidangkuasa mahkamah ini. Kedua-dua alasan yang dibangkitkan oleh pempetisyen di dalam petisyen pilihan raya ini adalah tidak menepati kehendak s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Bantahan awal yang dikemukakan oleh responden-responden adalah bermerit dan dibenarkan. Petisyen ini adalah dibatalkan dengan kos. Seterusnya, menurut peruntukan s. 36(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, ia diputuskan bahawa responden pertama telah dilaporpilih dengan sewajarnya. (perenggan 37 & 40)

Kes-kes yang dirujuk:

Chong Thain Vun v. Watson & Anor [1967] 1 LNS 29 ***(dirujuk)***

Dayrell Walter Entrie v. Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang [2007] 7 CLJ 11 HC ***(dirujuk)***

Donald Lawan v. Mong AK Dagang & Third Party [1998] 1 LNS 347 ***(dirujuk)***

Dr Lee Chong Meng v. Returning Officer (Abdul Rahman Abdullah) & Ors (No 2) [2000] 3 CLJ 532 HC ***(dirujuk)***

A *Dr Shafie Abu Bakar v. Pegawai Pengurus Pilihanraya N.26 Bangi & Ors and Other Petitions [2005] 5 CLJ 349 HC* ***(dirujuk)***
Jayasankaran v. PP [1983] 1 CLJ 171; [1983] CLJ (Rep) 182 FC ***(dirujuk)***
NKM Holdings Sdn Bhd v. Pan Malaysia Wood Bhd [1986] 1 LNS 79 ***(dirujuk)***
B *Norbert Choong Kai Chong & Anor v. Mohamed Idris Hj Ibrahim & Anor [1978] 1 LNS 133* ***(dirujuk)***
Tengku Korish v. Mohamed Jusoh & Anor [1969] 1 LNS 189 ***(dirujuk)***
Tg Nawawi Tengku Ab Kadir lwn. Lokman Muda & Lagi [1996] 1 CLJ 551 HC ***(dirujuk)***
C *Wan Daud Wan Jusoh v. Mohamad Hj Ali & Anor [1988] 2 MLJ 384* ***(dirujuk)***
Woodworth v. Borden [1879] R & C 571 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 307(1)
D Election Offences Act 1954, ss. 32(b), 36(1)
Election Petition Rules 1954, rr. 4(4), 15(1)(a), (c)
Elections Act 1958, ss. 9A, 9(1)
Elections (Registration of Electors) Regulations 2002, regs. 11, 12, 13(1), (5)
E Federal Constitution, art. 8(1)
Rules of the High Court 1980, O. 2 r. 2(2)

Bagi pihak pempetisyen - Darshan Singh (Ahmad Taufiq & Sharif Mat bersamanya)
Bagi pihak responden pertama - Mohd Hafarizam (Syed Faisal & Badrul
F *Hisham bersamanya)*
Bagi pihak responden kedua & ketiga - Mahiran Md Isa (Zaleha Mohd Janis bersamanya)

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

G

PENGHAKIMAN

Balia Yusoff Wahi H:

H **[1]** Petisyen Pilihanraya ini telah difailkan oleh Muhammad Sanusi bin Md. Nor (yang selepas ini disebutkan sebagai Pempetisyen) iaitu calon di dalam pilihanraya yang telah diadakan pada 8 Mac 2008 bagi Bahagian Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri N. 23 Belantek, Kedah. Di dalam pilihanraya tersebut
I Mohd. Tajudin bin Abdullah, responden pertama di dalam petisyen ini yang merupakan calon Parti Barisan Nasional telah dilaporpilih sebagai calon yang memenangi pilihanraya tersebut. Seperti yang

diwartakan di dalam Warta Kerajaan P.U. (B) 179.Jil. 52 No. 7 Tambahan No. 46 Perundangan (B) bertarikh 8 April 2008, keputusan pilihanraya yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

A. Jumlah Pemilih	19,016
B. Bilangan Undi Di Buang bagi:	
Nama Calon	**Bilangan**
1. Mohd. Tajudin bin Abdullah	8,226
2. Muhammad Sanusi bin Md. Nor	7,974
Jumlah undi dibuang	16,200 =====
C. Bilangan kertas undi rosak	254
D. Jumlah kertas undi di dalam Peti undi (B + C)	16,454
E. Jumlah kertas undi yang dikeluarkan Dalam pengundian (termasuk kertas undi pos yang dikeluarkan kepada pengundi dan kertas undi ditolak tetapi tidak termasuk kertas undi rosak)	16,475
F. Bilangan kertas undi yang dikeluarkan tetapi tidak dikembalikan (termasuk kertas undi pos).	21
G. Peratus Pengundian ($\frac{E}{A}$ x 100)	86.64%
H. Majoriti	252
I. Calon yang dilaporpilih : Mohd. Tajudin bin Abdullah	

[2] Melalui petisyen yang difailkan ini, pempetisyen memohon dari mahkamah ini relif-relif seperti berikut:

(a) Satu perisytiharan bahawa Senarai Nama Pemilih Baru tersebut, iaitu seramai 952 orang pengundi pos adalah tidak sah dan bahawa kesemua pengundi pos tersebut tidak layak

untuk mengundi dalam Pilihan Raya bagi Bahagian Pilihan Raya N. 23 Belantek yang diadakan pada 8 Mac 2008 yang lalu;

(b) Satu perisytiharan bahawa responden pertama, Mohd. Tajudin bin Abdullah telah tidak dipilih dengan sewajarnya atau sepatutnya tidak dilapor pilih; dan

(c) Satu perisytiharan bahawa pempetisyen kamu, Muhammad Sanusi bin Md. Nor adalah pihak yang memenangi Pilihan Bahagian Dewan Undangan Negeri N. 23 Belantek, yang diadakan pada 8 Mac 2008; atau

(d) Satu perisytiharan bahawa Pilihan Raya Bahagian Dewan Undangan Negeri N. 23 Belantek, Kedah yang diadakan pada 8 Mac 2008 sebagai tidak sah dan terbatal; dan

(e) Satu perisytiharan bahawa satu pilihan raya semula hendaklah diadakan bagi Bahagian Dewan Undangan Negeri N. 23, Belantek, Kedah.

(f) Pengesahan dan arahan-arahan di bawah s. 36 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 19).

(g) Kos

(h) Lain-lain relif yang difikirkan sesuai dan manfaat dan adil oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

[3] Alasan-alasan yang dikemukakan oleh pempetisyen bagi menyokong permohonannya adalah seperti berikut:

(a) Ketidakpatuhan peruntukan undang-undang bertulis berhubungan penjalanan pilihanraya oleh responden ketiga dan bahawa pilihanraya tidak dijalankan mengikut prinsip dalam undang-undang bertulis (s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954)

(b) Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Pengundian Pos) 2003 (P.U. (A) 185/2003) adalah *ultra vires* peruntukan dalam Akta Pilihan Raya 1958 dan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan.

Melalui notis bantahan awal bertarikh 14 Mei 2008, responden kedua dan ketiga telah membangkitkan beberapa bantahan kepada petisyen yang dikemukakan oleh pempetisyen seperti yang terkandung di dalam Lampiran 8, bantahan awal yang dikemukakan tersebut adalah di atas alasan:

(1) bahawa Petisyen Pilihan Raya ini adalah cacat kerana tidak berasaskan kepada mana-mana alasan sepertimana yang diperuntukkan oleh s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5), A

(2) bahawa pendaftaran pemilih tidak boleh dipertikaikan di dalam Petisyen Pilihan Raya ini sepertimana yang diperuntukkan oleh Akta Pilihan Raya 1958, B

(3) Bahawa petisyen ini tidak menunjukkan bagaimana ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan penjalanan mana-mana pilihan raya telah menjejaskan keputusan pilihan raya sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. C

[4] Dalam pada itu responden pertama juga telah mengemukakan bantahan awal seperti yang terdapat di dalam Lampiran 14. Bantahan awal yang dikemukakan tersebut adalah atas alasan: D

(1) Pempetisyen telah gagal mematuhi kehendak k. 15 Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 berdasarkan alasan-alasan bahawa notis pemgemukaan petisyen dan petisyen dengan sengaja tidak diserahkan oleh pempetisyen dalam tempoh 15 hari dari tarikh pemfailan petisyen; E

(2) Pempetisyen telah gagal mematuhi kehendak k. 4(4) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 berdasarkan alasan bahawa petisyen tersebut tidak berasaskan kepada mana-mana alasan sepertimana yang diperuntukkan oleh s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5); F

(3) Pempetisyen telah gagal untuk menunjukkan bagaimana ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan penjalanan mana-mana pilihan raya telah menjejaskan keputusan pilihan raya sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954; dan G H

(4) Petisyen tersebut mencabar kesahihan daftar pemilih yang telah diperakui dan ini adalah bertentangan dengan s. 9A Akta Pilihan Raya 1958 dan otoriti-otoriti undang-undang yang lain. I

[5] Pada keseluruhannya saya mendapati terdapat persamaan tentang bantahan awal yang dikemukakan oleh ketiga-tiga responden dalam petisyen ini dan dalam keadaan yang demikian

A kesemua alasan bantahan tersebut akan diteliti bersekali dan bersama-sama. Di samping itu juga responden pertama telah semasa dalam pendengaran bantahan awal ini menarik balik bantahan beliau di bawah alasan 2 di dalam Lampiran 14 tersebut.

B **[6]** Pada peringkat awal-awal lagi, sebelum bantahan awal oleh responden-responden di dalam Lampiran 8 dan 14 didengar tentang merit masing-masing, peguamcara pempetisyen telah membangkitkan bantahan kepada kedua-dua notis bantahan awal di dalam Lampiran 8 dan 14 tersebut. Secara amnya bantahan yang C dibangkitkan oleh peguamcara pempetisyen adalah mengenai perkara-perkara berikut:

(a) Notis bantahan awal oleh responden tidak lengkap kerana tidak menyebutkan secara terperinci bagaimana petisyen yang dikemukakan oleh pempetisyen itu dikatakan cacat.
D

(b) Tiada senarai otoriti dikemukakan dalam Lampiran 8.

(c) Tiada affidavit sokongan difailkan bagi menyokong bantahan awal dan bantahan awal tidak mengikut tatacara dalam A. 2 E Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

(d) Bantahan awal tidak menerangkan kenapa s. 9A Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh dibangkitkan dan dipertikaikan.

(e) Lampiran 14 tidak menerangkan fakta bila penyerahan F dilakukan kepada responden pertama yang dikatakan tidak menepati kehendak k. 15 Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954.

[7] Selepas mendengar hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh G kesemua pihak yang terlibat di dalam petisyen ini, mahkamah telah memutuskan bahawa tiada terdapat sebarang merit di atas bantahan yang dibuat oleh peguamcara pempetisyen terhadap kedua-dua notis bantahan awal dalam Lampiran 8 dan 14 tersebut. Saya telah memutuskan bahawa kedua-dua bantahan awal tersebut H adalah lengkap, memadai dan sah. Notis tersebut telah memberikan penerangan yang secukupnya kepada pihak pempetisyen akan niat dan hasrat responden-responden untuk membuat bantahan awal dan ianya mengandungi keterangan yang cukup bagi pihak pempetisyen untuk membuat persediaan yang sewajarnya. Tiada I bentuk atau format notis yang tertentu diperuntukkan di bawah undang-undang bagi mengemukakan bantahan awal. Dalam pada itu juga, Lampiran 14 ada menyenaraikan otoriti yang ingin dirujuk

oleh pihak responden kedua dan ketiga di dalam bantahan mereka. Saya juga memutuskan bahawa tidak perlu sebarang affidavit difailkan oleh mana-mana pihak untuk membuat bantahan awal di dalam prosiding ini dan tiada keperluan bagi pematuhan kepada A. 2 k. 2(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bagi pengemukaan bantahan awal di dalam prosiding ini. Aturan 2 k. 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 memperuntukkan bahawa sebarang permohonan untuk mengenepikan mana-mana prosiding kerana luar aturan hendaklah dibuat dalam tempoh yang munasabah dan sebelum pihak yang memohon itu telah mengambil apa-apa langkah baru setelah menyedari tentang luar aturan tersebut. Seterusnya sub kaedah (2) menyatakan bahawa sebarang permohonan di bawah kaedah tersebut boleh dibuat melalui saman atau notis usul dan alasan kepada bantahan tersebut hendaklah dinyatakan di dalam saman atau usul tersebut. Peguamcara pempetisyen menghujahkan bahawa bantahan awal yang dibuat oleh responden-responden di dalam petisyen ini hendaklah dibuat melalui saman atau usul. Saya mengatakan sebaliknya. Saya tidak fikir ketidakpatuhan kepada kaedah berkenaan boleh mengakibatkan bantahan yang dikemukakan ini terbatal.

[8] Seperti yang dikatakan oleh Hakim Harun Hashim di dalam kes *Norbert Choong Kai Chong & Anor v. Mohamed Idris bin Haji Ibrahim & Anor* [1978] 1 LNS 133:

> ... Objections to an election petition are issues of law which should be disposed of as preliminary issues for which no notice is required.

[9] Dalam pada itu saya juga telah mengambilkira tentang pandangan hakim Lau Bee Lan di dalam kes *Dayrell Walter Entrie v. Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang* [2007] 7 CLJ 11 pada ms 16, yang mana saya amat bersetuju dengan pandangan tersebut. Di dalam kes tersebut hakim berkenaan menyatakan:

> It is to be noted that there is no procedure with respect to the mode of how a preliminary objection is to be raised in the Election Offences Act 1954. However, in the case of *Norbert Choong Kai Chong & Anor v. Mohamed Idris bin Haji Ibrahim & Anor* [1978] 1 LNS 133 where Harun J (as he then was) held that 'that objections to an election petition are issues of law which should be disposed of as preliminary issues for which no notice is required. This was followed in *Ruhimin Adzim @ Ruhimin bin Ajim v. Tan Sri Bernard Dompok & Anor* [2004] 1 LNS 461; [2005] 1 MLJ 345 where Datuk Clement Skinner J overruled the objection

A when it was argued that an application under O. 18 r. 19 of the Rules of the High Court 1980 should be filed to raise the objections instead of raising them as preliminary objections. Both are decisions which I agree and I respectfully adopt.

B Be that as it may, as a matter of practice, it is to be noted that there are a number of cases where preliminary objections in respect of election petitions are presented by way of notice of motion as in *Ramely Mansor v. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia & Ors* [2000] 6 CLJ 56 (see p 58 para c), *Ruhimin Adzim @ Ruhimin bin Ajim*'s case and *Chiew Chiu Sing v. Dato Seri Tiong* C *King Sing Election Petition No 26-1 of 2004 (BTU)* (2004) (a case cited by the petitioner). In this case, the third respondent has chosen to present the preliminary objection by way of a notice of motion which as submitted by Dato' Cecil Abraham is given for the convenience of the court and the petitioner. On the other hand, the petitioner has chosen to present his preliminary D objection by way of a notice of preliminary objection (encl 49). I am of the view that if parties choose to give notice, there is no hard and fast rule of how the preliminary objection is to be made as the purpose of the preliminary objection is to give early notice to the opponent as to the grounds which the party proposing to E raise the preliminary objection wishes to raise.

[10] Saya telah mengambil pendekatan dan pendirian yang sama di dalam memutuskan bahawa tiada terdapat sebarang merit tentang bantahan yang dikemukakan oleh peguamcara pempetisyen F terhadap notis bantahan awal di dalam Lampiran 8 dan 14. Kedua-dua notis dalam Lampiran 8 dan 14 tersebut adalah lengkap dan memadai sebagai pemberitahuan kepada pempetisyen tentang hasrat responden untuk membangkitkan bantahan awal mereka. Seterusnya saya memutuskan bahawa bantahan awal yang dikemukakan oleh pihak responden-responden di dalam kedua-dua G Lampiran tersebut hendaklah didengar di atas meritnya.

Pematuhan Kepada k. 15 Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihanraya 1954

H **[11]** Berhubung dengan bantahan atas alasan ketidakpatuhan kepada k. 15 Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954, pihak responden pertama menghujahkan bahawa penyerahan notis pengemukaan petisyen dan petisyen yang telah dilakukan oleh Muhamad Ismadi bin Abdul Kadir yang merupakan pembantu khas I kepada Menteri Besar Kedah adalah cacat. Affidavit penyampaian oleh Muhamad Ismadi bin Abdul Kadir adalah di dalam Lampiran 10.

[12] Pada penghujahan peguamcara pempetisyen, penyerahan dokumen-dokumen yang dilakukan oleh Mohamad Ismadi bin Mohd. Kadir adalah bertentangan dan tidak menepati kehendak k. 15(1) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954. Ini adalah kerana Mohamad Ismadi bin Abdul Kadir bukanlah merupakan pempetisyen di dalam petisyen pilihan raya ini. Beliau menghujahkan petisyen dan notis pegemukaan petisyen tersebut hendaklah diserahkan oleh pempetisyen sendiri. Kaedah 15(1) adalah berbunyi seperti berikut:

> 15. (1) Notis mengenai pengemukaan sesuatu petisyen, yang disertai dengan suatu salinan petisyen itu, hendaklah, dalam tempoh lima belas hari selepas petisyen itu dikemukakan, disampaikan oleh Pempetisyen:
>
> (a) kepada Responden sendiri yang hendaklah dilaksanakan dengan menyerahkan notis dan suatu salinan petisyen itu kepada Responden;
>
> (b) dengan menghantar notis dan suatu salinan petisyen itu melalui pos berdaftar bayar dahulu yang di alamatkan ke tempat kediaman atau urusan Responden yang lazim atau yang akhir diketahui; atau
>
> (c) dengan menampalkan suatu notis pada papan notis di Mahkamah Tinggi di Negeri di mana bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya itu terletak dan dengan menyiarkan suatu notis dalam akhbar bahasa kebangsaan dan dalam mana-mana akhbar lain yang diedarkan di dalam bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya di mana pilihan raya itu telah diadakan yang menyatakan bahawa petisyen sedemikian telah dikemukakan dan bahawa suatu salinan notis mengenai pengemukaan petisyen itu dan suatu salinan petisyen itu boleh didapati oleh Responden dengan percuma atas permohonan di Pejabat Pendaftar.

[13] Bagi menyokong hujahannya, peguamcara responden pertama menyatakan bahawa k. 15(1) menghendaki notis dan petisyen itu disampaikan oleh pempetisyen sendiri dan berdasarkan kepada prinsip tentang kehendak undang-undang di bawah k. 15(1) perlu dipatuhi dengan ketat, maka kegagalan pempetisyen sendiri menyerahkan dokumen-dokumen berkenaan adalah melanggari kehendak kaedah tersebut. Rujukan telah dibuat kepada beberapa kes seperti *Woodworth v. Borden* [1879] R & C 571, *Dr. Lee Chong Meng v. Returning Officer (Abdul Rahman Abdullah) & Ors (No 2)* [2000] 3 CLJ 532 dan *Dayrell Walter Entrie v. Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang* [2007] 7 CLJ 11; [2007] 1 MLJ 651.

[14] Tanpa pergi jauh lagi, memadai saya katakan bahawa saya memang sedar dan akur akan prinsip undang-undang yang disebutkan di dalam kes-kes tersebut mengenai keperluan pematuhan dengan ketat terhadap peruntukan undang-undang di dalam kes pilihanraya. Saya juga setuju bahawa isu penyerahan adalah merupakan isu pokok yang menyentuh tentang bidangkuasa di mana tanpa penyerahan yang sah mengikut undang-undang, mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa. Di dalam kes *Chong Thain Vun v. Watson & Anor* [1967] 1 LNS 29 mahkamah telah memutuskan bahawa:

> Proper service of the petition is a condition precedent to the jurisdiction of the court.

[15] Persoalan yang timbul di dalam kes ini adalah sama ada terdapatnya serahan dan sama ada serahan yang dibuat itu adalah mengikut kehendak k. 15(1). Pada pandangan saya dan saya memutuskan bahawa terdapat serahan yang sah telah dilakukan di dalam kes ini walaupun penyerahan tersebut telah dilakukan oleh bukan pempetisyen sendiri. Meneliti affidavit penyampaian Lampiran 10 yang diikrarkan oleh Muhamad Ismadi bin Abdul Kadir jelas menunjukkan bahawa beliau atas arahan Tetuan Taulan Rasul & Co peguamcara pempetisyen, telah pada 13 Mei 2008 jam 3 petang menyampaikan sesalinan bermeterai petisyen pilihanraya bertarikh 28 April 2008 dan sesalinan bermeterai notis petisyen pilihanraya bertarikh 28 April 2008 kepada responden pertama dengan secara kediri di Pejabat UMNO, Bahagian Sik, Kedah, Darul Aman. Beliau juga telah pada 6 Mei 2008 menyerahkan dokumen-dokumen yang sama kepada responden kedua dengan secara kediri di Pejabat Daerah Sik, Kedah Darul Aman. Saya mendapati penyerahan ini adalah menepati kehendak k. 15(1) dari kesemua aspek dan kehendak kaedah tersebut. Tidak terdapat sebarang syarat bahawa penyerahan hendaklah dibuat oleh pempetisyen sendiri. Tidak terdapat perkataan "sendiri" selepas perkataan-perkataan "disampaikan oleh pempetisyen" di dalam k. 15(1) seperti yang terdapat dalam perenggan (a) Kaedah tersebut yang menghendaki penyerahan dibuat ke atas responden "sendiri". Mahkamah ini tidak boleh mengimpot apa-apa perkataan yang tidak terdapat di dalam mana-mana peruntukan undang-undang. Ini adalah merupakan prinsip mantap tentang pentafsiran sesuatu peruntukan undang-undang. Tugas mahkamah adalah semata-mata untuk menginterprestasikan undang-undang seperti yang tersedia ada dan seperti yang tertulis. Sehubungan dengan

itu, saya merujuk kepada kata-kata Hakim Seah SCJ di dalam kes *NKM Holdings Sdn. Bhd v. Pan Malaysia Wood Bhd* [1986] 1 LNS 79 di mana beliau ada memperkatakan seperti berikut:

> It must be borne in mind that we are Judges not legislators. The constitutional function of the courts is not only to interpret but also to enforce the laws enacted by Parliament. In enforcing the law we must be the first to obey it. It should be noted that the power of a Court to proceed in a particular course of administering justice, was one of substance and not merely of form. The duty of the Court, and its only duty, is to expound the language of the Act in accordance with the settled rules of construction. The Court has nothing to do with the policy of any Act which it may be called upon to interpret. That may be a matter for private judgment. It seems to us to be unwise as it is unprofitable to cavil at the policy of an Act of Parliament, or to pass a covert censure on the Legislature.

[16] Berbalik kepada fakta-fakta tentang penyerahan yang dibuat di dalam kes ini, mahkamah ini mengambil maklum bahawa penyerahan yang dilakukan oleh Muhamad Ismadi bin Abdul Kadir itu adalah dibuat atas arahan Tetuan Taulan Rasul & Co iaitu peguamcara pempetisyen sendiri. Sudah semestinyalah Tetuan Taulan Rasul & Co adalah bertindak atas arahan anakguamnya si pempetisyen dan semestinya dengan otoriti dari pempetisyen. Perkara ini boleh diandaikan dan mahkamah boleh mengambil 'judicial notice' tentang perkara ini. Tiada keperluan mandatori bagi pempetisyen sendiri menyerahkan dokumen-dokumen berkenaan kepada responden. Bercakap tentang s. 307(1) Kanun Acara Jenayah mengenai isu sama ada sesuatu notis rayuan hendaklah di tandatangani sendiri oleh pempetisyen, Raja Azlan Shah LP (pada ketika itu) menyatakan:

> Neither provision signifies the signatory to the notice or the petition and neither provides for the appellant to do so 'personally' or 'in person' as some legislative enactment specifically prescribe. This therefore attracts the maxim *qui facit per allum facit per se* (he who does an act through another is deemed in law to do it himself).

(Sila rujuk kes *Jayasankaran v. Public Prosecutor* [1983] 1 CLJ 171; [1983] CLJ (Rep) 182).

[17] Pada pandangan saya maxim tersebut adalah terpakai di dalam kes yang sedang dihakimkan sekarang. Maksud dan tujuan k. 15(1)(a) adalah tentang penyampaian/serahan kepada responden

secara kediri dan ini telah dilakukan dan hasrat serta maksud kaedah tersebut adalah tercapai dengan cara penyerahan yang dilakukan di dalam kes ini. Tiada prejudis telah berlaku kepada responden pertama dengan penyerahan yang sedemikian.

[18] Di samping itu adalah juga dihujahkan oleh peguamcara responden pertama bahawa salinan bermeterai notis petisyen pilihanraya dan salinan bermeterai petisyen pilihanraya yang diserahkan kepadanya adalah dokumen yang salah kerana peruntukan di dalam k. 15(1) tidak menyebut tentang salinan bermeterai tetapi "salinan" sahaja. Saya menyatakan di sini bahawa hujahan ini adalah agak keterlaluan, tidak logik dan tidak boleh diterima akal. Tiada dokumen/salinan yang lebih baik dan autentik selain daripada salinan bemeterai apabila seseorang memperkatakan tentang dokumen yang difailkan di mahkamah. Ketulinan dan keaslian salinan bermeterai adalah tidak dapat disangkal. Hujahan seperti ini langsung tidak layak untuk diberikan sebarang pertimbangan.

[19] Oleh yang demikian saya memutuskan bahawa bantahan oleh responden pertama tentang isu penyerahan ini adalah tidak bermerit dan ditolak.

Notis Petisyen Pilihanraya Adalah Salah Dan Defektif

[20] Pihak responden pertama menyatakan bahawa notis petisyen pilihanraya yang diserahkan kepadanya menyatakan bahawa pempetisyen telah pada 28 April 2008 mengemukakan di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di Alor Star, Kedah satu petisyen pilihanraya terhadap responden pertama, kedua dan ketiga dan seterusnya menyatakan bahawa satu salinan petisyen pilihanraya tersebut boleh di dapati atas permohonan di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi Alor Setar, Kedah. Notis petisyen tersebut adalah bertarikh 28 April 2008. Walau bagaimanapun responden pertama menyatakan bahawa petisyen pilihanraya yang diserahkan kepadanya adalah suatu petisyen yang telah difailkan di Mahkamah Tinggi Alor Setar, Kedah pada 29 April 2008 dan bukannya petisyen yang dikemukakan pada 28 April 2008 sepertimana yang disebutkan di dalam notis petisyen pilihanraya tersebut. Ini jelas menunjukkan percanggahan atau perbezaan di antara petisyen dan notis petisyen tersebut. Notis petisyen mengatakan petisyen telah dikemukakan pada 28 April 2008 sedangkan petisyen yang diterima oleh responden pertama adalah suatu petisyen yang telah dikemukakan ke pejabat Pendaftar,

Mahkamah Tinggi Alor Star, Kedah pada 29 April 2008. Pengindosan yang dicatatkan pada petisyen pilihanraya yang diterima oleh responden pertama jelas menunjukkan tarikh 29 April 2008 dan bukannya 28 April 2008. Ini bermakna tidak wujud petisyen pilihanraya yang dikatakan telah difailkan/dikemukakan pada 28 April 2008. Justeru itu notis tersebut adalah salah dan/atau defektif. Paling tidak notis petisyen pilihanraya ini adalah mengelirukan dan telah menimbulkan keraguan kepada responden pertama. Dalam pada itu notis itu juga menyatakan tentang salinan yang boleh didapati dari pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Alor Star, Kedah dan dengan penyataan sedemikian ia menambahkan lagi kekeliruan tentang mungkin wujudnya satu petisyen yang benar-benar telah dikemukakan/difailkan di Mahkamah Tinggi Alor Setar pada 28 April 2008.

[21] Dalam pada itu serahan kepada responden pertama di dalam kes ini telah di buat mengikut k. 15(1)(a) iaitu secara kediri dan oleh yang demikian penyataan tentang salinan petisyen tersebut boleh didapati di pejabat Pendaftar Mahkamah adalah tidak perlu dan sesuatu yang berlebihan. Penyataan sedemikian hanya perlu jika serahan telah dibuat mengikut k. 15(1)(c). Ini mengikut hujahan responden pertama adalah merupakan kemungkiran kepada peruntukan k. 15(1)(a) dan rujukan telah dibuat kepada kes *Dr. Lee Chong Meng v. Returning Officer (Abdul Rahman Abdullah) & Ors (No. 2)* [2000] 3 CLJ 532. Secara khususnya responden pertama telah merujuk kepada petikan berikut bagi menyokong hujahannya. Pada ms 549-550 kes tersebut, hakim yang bijaksana telah menyatakan:

> The first matter for observation is that the notice carries an indorsement to the effect that it is posted on the High Court Notice Board by way of service on, *inter alia*, the third respondent. This means that the petitioner has expressly stated in the notice that service on the third respondent is in accordance with the second method of service. That the petitioner intended the service to be by this method is further supported by para 9 of encl 27 whereby the court clerk was informed that the extra sealed copy of the petition was to be given to any of the respondents requesting for a copy pursuant to the notice. The personal service of the copy of petition on the third respondent is therefore only for his information and does not operate as service of the petition. Furthermore, what requires to be served with the copy of the petition in the case of the first method of service is a notice of the presentation of the petition. The notice served on the respondent is not a notice of the presentation of the petition

A but a notice when the second method of service is adopted. Both notices require different particulars for different purposes and must be strictly followed depending on the mode of service chosen. I say this because any requirement prescribed by an election law must be adopted and adhered to. As Anuar CJ (Malaya), in commenting on the need to comply strictly with the second B method of service, said in *Rhina Bhar* at p 644:

> With respect I am of the view that the statutory requirements of election laws are mandatory and must be strictly observed (*Tengku Korish v. Mohamed bin Jusoh & Anor* [1969] 1 LNS 189). Where a liability is imposed by C a statute which at the same time gives a special and particular remedy for enforcing it the remedy provided by the statute must be followed and it is not competent to the party to pursue another course. The form given by the statute must be adopted and adhered to (*Wolverhampton* D *New Waterworks Company v. Hawkesford 6 CB (NS)* 336, 141 ER 486).

> The petition was therefore served without a valid notice of presentation of the petition with the result that what was served E was only the petition. The absence of a notice of presentation of the petition is fatal to the service of the petition and renders it a nullity (see *Williams v. Mayor of Denby & Ors* [1879] LR 5 CPD 135; *Chong Thain Vun v. Watson & Anor* [1967] 1 LNS 29).

[22] Saya bersetuju sepenuhnya dengan pendekatan dan alasan F yang disebutkan di dalam petikan di atas dan seterusnya memutuskan bahawa tiada terdapat notis yang sah telah diserahkan kepada responden pertama dalam kes ini. Notis yang diserahkan kepada responden itu adalah mengelirukan dan boleh menimbulkan kekeliruan kepada responden tentang kemungkinan G wujudnya dua notis petisyen pilihanraya dan ini akan menimbulkan prejudis kepada responden pertama. Petisyen yang diterima dan diserahkan kepada defendan pertama adalah yang dikemukakan dan di endoskan oleh mahkamah pada 29 April 2008 sedangkan notis petisyen pilihanraya menyatakan ada petisyen pilihanraya yang H dikemukakan pada 28 April 2008 yang boleh didapati salinannya di Pejabat Pendaftar, Mahkamah Tinggi Alor Star, Kedah. Mahkamah terpaksa memberikan interprestasi yang lebih memihak kepada responden apabila berhadapan dengan situasi di mana terdapat dua kesimpulan yang timbul dalam meneliti dan menginterprestasikan notis I yang dikemukakan itu. Justeru itu, bantahan yang dibuat oleh responden pertama atas alasan ini adalah berasas dan dibenarkan. Notis petisyen pilihanraya yang diserahkan kepada responden pertama ini adalah cacat dan tidak sah.

Petisyen Ini Merupakan Cabaran Kepada Daftar Pemilih Dan Bertentangan Dengan s. 9A Akta Pilihanraya 1958

[23] Kesemua responden di dalam petisyen ini secara sekata membuat bantahan kepada petisyen ini atas alasan bahawa petisyen ini adalah tidak kompeten dan dilarang di bawah peruntukan s. 9A Akta Pilihan Raya 1958. Seksyen 9A berbunyi:

> 9A. Selepas sesuatu daftar pemilih diperakui atau diperakui semula, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan notis mengenai pemerakuan atau pemerakuan semula itu telah disiarkan dalam Warta sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, daftar pemilih itu hendaklah disifatkan sebagai muktamad dan mengikat dan tidak boleh dipersoalkan atau dirayu terhadapnya di, atau dikaji semula, dibatalkan atau diketepikan oleh, mana-mana mahkamah.

[24] Jelas dari peruntukan di atas bahawa hak untuk menimbulkan apa-apa isu atau bantahan terhadap daftar pemilih adalah sebelum ianya diperakui atau diperakui semula dan sebelum notis perakuan tersebut diwartakan.

[25] Adalah dihujahkan oleh responden-responden bahawa daftar pemilih yang diperakui atau diperakui semula hendaklah disifatkan sebagai muktamad sepertimana yang dinyatakan di dalam s. 9A Akta Pilihan Raya 1958 tersebut.

[26] Mengikut petisyen yang difailkan oleh pempetisyen di dalam kes ini, beliau menyatakan bahawa responden ketiga telah gagal untuk mematuhi peruntukan s. 9(1) Akta Pilihan Raya 1958 dan Peraturan 11, 12 dan 13(1) & (5) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Di bawah ini diperturunkan sepenuhnya perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pempetisyen di dalam petisyen pilihanraya yang dikemukakannya yang dikatakan sebagai ketidakpatuhan kepada peruntukan undang-undang berhubung dengan penjalanan pilihanraya oleh responden ketiga. Alasan-alasan tersebut terkandung di dalam perenggan 4.1 petisyen seperti berikut:

> 4.1.1. Pempetisyen kamu menyatakan bahawa Responden ketiga telah tidak mematuhi peruntukan undang-undang bertulis yang berhubungan dengan penjalanan pilihan raya yang terkandung di dalam Seksyen 9(1) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) dan Peraturan 11, 12 dan 13(1) & (5) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan pilihanraya itu telah tidak dijalankan mengikut prinsip yang

ditetapkan dalam undang-undang bertulis sehingga ia boleh dijangkakan dengan semunasabahnya telah menyentuh dan menjejaskan keputusan pilihan raya sebagaimana butir-butir berikut:

(a) Dalam ketidakpatuhan peruntukan dan prinsip undang-undang tersebut, Responden Ketiga telah melakukan kecuaian, kesilapan dan ketidakpatuhan peruntukan undang-undang yang berkaitan penjalanan pilihanraya yang antaranya kepada Seksyen 9(1) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) di dalam menjalankan tanggungjawabnya menyediakan, menyiarkan, menyemak, mengemaskini dan/atau memperbaharui Rang Daftar Pemilih bagi Daerah Mengundi 01 Kota Aur/DUN N. 23 Belantek, Kedah apabila gagal mempamerkan proses pemindahan seramai 1,031 orang pengundi pos dari bahagian pilihan raya yang lain ke Daerah Mengundi 01 Kota Aur/ DUN 23 Belantek, Kedah.

(b) Berdasarkan semakan oleh Pempetisyen kamu ke atas Daftar Pemilih Induk tahun 2003, 2004, 2005 dan 2006 dan Daftar Pemilih Tambahan Suku Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat tahun 2007, dan juga Daftar Pemilih Induk tahun 2007, telah didapati bahawa Responden Ketiga telah memasukkan sebanyak 1,031 orang pemilih baru (selepas ini dirujuk sebagai "Senarai Nama Pemilih Baru tersebut") yang mana kesemuanya merupakan pengundi pos, ke dalam senarai nama pengundi di Daerah Mengundi 01 Kota Aur/DUN N. 23 Belantek, Kedah, tanpa mengikut peraturan dan prosedur seperti yang dikehendaki mengikut peruntukan undang-undang berkaitan pilihan raya.

(c) Responden Ketiga telah melakukan kecuaian, kesilapan dan ketidakpatuhan kepada Seksyen 9(1) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) apabila Senarai Nama Pemilih Baru tersebut, yang merupakan pengundi pos telah tidak dimasukkan dan tidak dipamerkan untuk semakan dan bantahan dalam Rang Daftar Pemilih Tambahan Suku Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat tahun 2007 yang dikeluarkan oleh Responden Ketiga dan Senarai Nama Pemilih Baru tersebut juga didapati tidak wujud di dalam Daftar Pemilih Induk tahun 2003, 2004, 2005 dan 2006 yang telah diwartakan.

(d) Responden Ketiga telah melakukan kecuaian, kesilapan dan ketidakpatuhan kepada Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 apabila telah memindahkan nama pemilih seramai 1,031 orang, yang merupakan pengundi pos, dari dua unit yang berpengkalan tetap di Kompeni A 19 RAMD di Sungai Petani, Kedah dan Kompeni A Bn 304 AW di Gerik, Perak ke dalam dua lokaliti di Daerah Mengundi 01 Kota Aur/DUN N. 23 Belantek, Kedah yang mana proses perpindahan pengundi pos tersebut tidak terkandung di dalam mana-mana Rang Daftar Pemilih Tambahan 2007 yang dipamerkan untuk semakan.

(e) Responden ketiga dikhuatiri telah melakukan kecuaian, kesilapan dan ketidakpatuhan kepada Peraturan 12 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 apabila proses perpindahan pengundi pos tersebut dilakukan tanpa ada permohonan oleh pengundi-pengundi tersebut berdasarkan Rang Daftar Pemilih Tambahan Suku Ketiga tahun 2007 bagi Daerah Mengundi 014/26/13 Sekolah Ibrahim (lokaliti 19 RAMD) dan hanya terdapat 2 orang pengundi pos iaitu T6104290 Willie AK Joon dan T6104296 Christy AK Ungang yang memohon untuk dipindahkan ke Daerah Mengundi 01 Kota Aur/DUN N. 23 Belantek, Kedah berdasarkan Rang Daftar Pemilih Tambahan Suku Ketiga tahun 2007 bagi Daerah Mengundi 054/02/09 Bersia (lokaliti 304 PSTD Grik).

(f) Responden Ketiga telah melakukan kecuaian, kesilapan dan ketidakpatuhan kepada Peraturan 13(1) & (5) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 apabila mengeluarkan seramai 81 orang pengundi pos dari Daerah Mengundi 01 Kota Aur/DUN N. 23 Belantek, Kedah di dalam Daftar Pemilih Tambahan Suku Keempat tahun 2007 sedangkan pemilih-pemilih tersebut tidak pernah wujud dalam Daftar Pemilih Induk tahun 2003, 2004, 2005 dan 2006 dan Daftar Pemilih Tambahan Suku Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat tahun 2007 bagi daerah mengundi di atas.

4.1.2 Pempetisyen kamu, seterusnya menegaskan bahawa kecuaian, kesilapan dan ketidakpatuhan Responden Ketiga kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan pendaftaran pemilih dengan memasukkan Senarai Pemilih Baru tersebut yang merupakan pengundi pos seramai 1,031 orang di

A dalam Daftar Pemilih Induk tahun 2007 bagi Daerah Mengundi 01 Kota Aur/DUN N. 23 Belantek, Kedah telah menjejaskan keputusan pengundian pilihan raya bagi Bahagian Pilihan Raya N. 23 Belantek, Kedah.

B **[27]** Pada hemat saya alasan-alasan yang dibangkitkan oleh pempetisyen seperti yang terkandung di dalam perenggan 4.1.1 (a) hingga (f) petisyen tersebut adalah merupakan cabaran kepada perkara yang berkaitan dengan daftar pemilih, khususnya berhubung dengan proses penyediaan daftar pemilih. Petisyen
C pilihanraya adalah merupakan pertikaian dalam perkara yang berhubungan dengan penjalanan pilihanraya. Setelah diteliti perkara-perkara yang disebutkan di dalam perenggan 4.1.1 (a) hingga (f) dan perenggan 4.1.2 petisyen ini saya mendapati tiada apa-apa fakta telah dikemukakan oleh pempetisyen untuk
D menyokong dakwaan telah berlakunya apa-apa ketidakpatuhan mengenai penjalanan pilihanraya sebagaimana yang diperuntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Penjalanan Pilihanraya) 1981. Sebaliknya apa yang dipertikaikan oleh pempetisyen melalui perenggan 4.1.1 (a) hingga (f) dan perenggan 4.1.2 tersebut adalah
E berkenaan dengan daftar pemilih dan kegagalan, kecuaian dan ketidakpatuhan oleh responden ketiga dalam penyediaan daftar tersebut. Daftar pemilih adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan di dalam mana-mana mahkamah sepertimana yang diperuntukkan di dalam s. 9A Akta Pilihan Raya 1958 yang telah
F dihuraikan sebentar tadi.

[28] Seperti yang dikatakan oleh Hakim Dato' Abdul Hamid Mohamad (pada ketika itu) di dalam kes *Tg Nawawi Tengku Ab. Kadir lwn. Lokman Muda & Lagi* [1996] 1 CLJ 551:

G Petisyen pilihanraya bukanlah satu prosidur untuk mencabar atau mempertikaikan nama-nama yang terdapat dalam daftar pemilih yang telah diperakui. Petisyen pilihanraya adalah proses bagi mencabar cara pilihanraya dijalankan.

[29] Dakwaan pempetisyen di dalam petisyen ini bahawa daftar
H pemilih tambahan tidak disediakan, disiar dan disemak mengikut peruntukan s. 9(1) Akta Pilihan Raya 1958 dan Peraturan 11, 12 dan 13(1) & (5) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 adalah tidak bersangkut dengan cara pilihanraya itu diadakan. Begitu juga dengan kecuaian, kesilapan dan ketidakpatuhan
I responden ketiga kepada peruntukan tersebut adalah bukan bersangkut dengan cara pilihanraya itu telah dijalankan. Di dalam kes *Dr. Shafie Abu Bakar v. Pegawai Pengurus Pilihanraya N.26*

Bangi & Ors and Other Petitions [2005] 5 CLJ 349 Hakim VT Singam menegaskan tentang skop dan pengertian berkenaan petisyen pilihanraya yang diasaskan di bawah peruntukan s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 seperti berikut:

> On the other hand, the new s. 32(b) of the Election Offences Act 1954 restricts the operation of this section to non-compliance of any written law that relates specifically to the 'conduct of any election'. The new section is narrower in that it can only be invoked if the petitioner can show that there has been non-compliance of the provisons of the Elections (Conduct of Elections) Regulations 1981 specifically or more generally other written law that governs only the conduct of election.

[30] Bersangkut dengan alasan ini, pempetisyen memohon sebagai salah satu relif supaya mahkamah ini membuat suatu perintah perisytiharan bahawa senarai nama pemilih baru tersebut iaitu seramai 952 orang pengundi pos adalah tidak sah dan bahawa kesemua pengundi pos tidak layak untuk mengundi dalam pilihan raya bagi Bahagian Pilihan Raya N. 23 Belantek yang telah diadakan pada 8 Mac 2008 lalu. Ini jelas sekali menunjukkan bahawa cabaran yang dikemukakan oleh pempetisyen bukanlah terhadap penjalanan pilihan raya tersebut tetapi terhadap kesahan daftar pemilih yang telah dimuktamadkan.

[31] Saya memutuskan bahawa alasan yang dikemukakan oleh pempetisyen mengenai cabarannya kepada daftar pemilih adalah di luar bidangkuasa mahkamah ini untuk memutuskannya. Cabaran tersebut hendaklah dibuat di forum yang lain, bukannya melalui petisyen pilihanraya. Atas alasan tersebut petisyen ini adalah cacat dan bantahan yang dikemukakan oleh responden-responden atas isu ini adalah berasas dan diterima.

Petisyen Gagal Menyatakan Bagaimana Ketidakpatuhan Undang-undang Bertulis Berkaitan Dengan Penjalanan Pilihanraya Telah Menyentuh Keputusan Pilihanraya Berkenaan Mengikut Peruntukan s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954

[32] Di dalam petisyen yang dikemukakan, pempetisyen mendakwa bahawa kemasukan pengundi-pengundi pos seramai 1,031 orang ke dalam Daftar Pemilih Induk 2007 telah menjejaskan keputusan pilihanraya tersebut. Sebagaimana yang telah saya putuskan sebentar tadi, perkara ini adalah jelas sebagai cabaran dan aduan terhadap daftar pemilih. Bagi mengemukakan petisyen di bawah

peruntukan s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, pempetisyen hendaklah menyatakan fakta-fakta yang lengkap dan terperinci mengenai dua kehendak di dalam peruntukan tersebut. Seksyen 32(b) berbunyi seperti berikut:

> 32. Pemilihan seseorang calon dalam mana-mana pilihan raya hendaklah diistiharkan sebagai batal atas suatu petisyen pilihan raya atas mana-mana daripada alasan yang berikut sahaja yang boleh dibuktikan dengan memuaskan hati Hakim Pilihan Raya:
>
> (a) ...
>
> (b) ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan penjalanan mana-mana pilihan raya jika didapati bahawa pilihan raya itu telah tidak dijalankan mengikut prinsip yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang bertulis dan bahawa ketidakpatuhan itu telah menyentuh keputusan pilihan raya itu;
>
> (c) ...
>
> (d) ...
>
> (e) ...

Dua kehendak dalam s. 32(b) tersebut adalah:

(i) ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan penjalanan mana-mana pilihanraya jika didapati bahawa pilihanraya itu telah tidak dijalankan mengikut prinsip yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang bertulis, dan

(ii) ketidakpatuhan itu telah menyentuh keputusan pilihan raya itu.

[33] Kedua-dua kehendak peruntukan ini perlu dipatuhi dan fakta-fakta yang menyokong kedua-dua kehendak peruntukan ini hendaklah juga dinyatakan di dalam petisyen yang dikemukakan. Seperti apa yang dihujahkan oleh peguamcara responden kedua dan ketiga, pempetisyen telah gagal berbuat demikian. Saya bersetuju dengan pandangan dan hujahan yang dikemukakan oleh Peguam Kanan Persekutuan yang bertindak dan mewakili responden kedua dan ketiga di dalam petisyen ini. Petisyen ini tidak menyentuh langsung apa-apa ketidakpatuhan undang-undang berkaitan dengan penjalanan pilihan raya yang seharusnya menjadi alasan dan asas untuk mengistiharkan pilihan raya itu tak sah atau

batal. Ketidakpatuhan yang dibangkitkan oleh pempetisyen adalah mengenai ketidakpatuhan kepada peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pilihan Raya 1958 dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Pada hemat saya ketidakpatuhan yang disebutkan oleh pempetisyen ini adalah bukan berhubungan dengan penjalanan pilihanraya. Sekali lagi rujukan dibuat kepada kes *Dr. Shafie Abu Bakar (supra)* di mana pada ms 376 mahkamah memutuskan:

> On the other hand, the new s. 32(b) of the Election Offences Act 1954 restricts the operation of this section to non-compliance of any written law that relates specifically to the 'conduct of any election'. The new section is narrower in that it can only be invoked if the petitioner can show that there has been non-compliance of the provisions of the Elections (Conduct of Elections) Regulations 1981 specifically or more generally other written law that governs only the conduct of the election.

[34] Seterusnya pada ms 377 dan 378, hakim yang bijaksana tersebut meneruskan dengan kata-kata berikut:

> The petitioner when presenting an election petition under s. 32(b) of the Election Offences Act 1954 must:
>
> (1) Refer to the specific written law (see *Muip bin Taib v. Dato' James Wong, Wan Hamid bin Tuanku Surur v. Francis Loke* [1970] 1 LNS 83; [1971] 1 MLJ 246) 'relating to the conduct of any election' which he alleges the respondents failed to comply. The petition must not only narrate the facts complained of but must relate or associate the complaints with the provisions of the election laws relating to the conduct of any election that the respondents is alleged to have transgressed. (see *Wan Daud bin Wan Jusoh v. Mohamad bin Haji Ali & Anor, Daud bin Jusoh v. Annuar bin Haji Musa & Anor. Mohd. Nor bin Ismail v. Mohd. Zain bin Abdullah & Anor* [1998] 2 MLJ 384 at p. 388; *Mohamed Jaafar v. Sulaiman & Anor* [1969] 1 LNS 111; [1970] 1 MLJ 18; *Isahak Hamid v. Mustapha* [1965] 1 LNS 63, [1965] 2 MLJ 18 and *Zulkarnaini bin Mohamed Noor v. Syed Omar bin Mohamed & Anor* [1978] 1 LNS 245, [1979] 2 MLJ 143).
>
> (2) There must be clear allegation that the result of the election has been affected. The principal ingredient of the gorund in s. 32(b) of the Election Offeces Act 1954 is that the result has been affected and not that there had been non-compliance with the provisions of the Act or the rules. (see *Ram Abhilakh Tewari v. The Election Tribunal, Gonda & Ors*

AIR [1958] All 663). This view of the matter is further supported by His Lordship Rigby J (as he then was) in *Re Election Petition of Cheah Seng Teik* where His Lordship stated:

> It is to be noted that mere non compliance with the provisions of such written law is not, by itself, sufficient to avoid the election; the non compliance must have affected the result of the election.

In *Muip bin Tabib v. Dato' James Wong, Wan Hamid bin Tuanku Surur v. Francis Loke* [1970] 1 LNS 83 it was held that the election petitions were defective as neither of them alleged non compliance with the provisions of any written law relating to the election nor was there any allegation that the result of the election had been affected, (see *Raja Ahmad bin Raja Sulaiman v. Haji Mohd. Daud bin Ja'afar Anor Election Petition No: 33-3-1995* and *Ang Thye Chin lwn. Chua Kow & Lagi* [1996] 1 CLJ 49). In *Bong Geok Beng v. Ahmad Nordin bin Mohamed Amin & 3 Ors* [1978] 1 LNS 18, His Lordship Wan Yahya J (as he then was) reiterated this requirement where he stated:

> Section 32 of the Election Offences Act, 1954 requires the petitioner not only to state specifically in his petition which provisions of the law on which non compliance is alleged to have taken place but also to supply adequate information as to how the respondent is said to have offended the law (emphasis added).

And at p. 169, His Lordship explained the rationale for this requirement.

> In a more colloquial language this election trial is like a card game; at the expected time each player has to place his cards on the table so as to determine his position in accordance with the rules of the game. Once the cards are on the table no change of mind is tolerated. If allowed, it will not only prevent proper determination of the game but will precipitate confusion and chaos.
>
> In the absence of such an allegation this court has no jurisdiction to enquire into the allegation made. (see *J. Devaiah v. Nagappa* AIR [1965] Mysore 102 at p. 106; *Savithri Devi v. Prabhawathi Misra* 15 ELR 358 (All).

[35] Berkata mengenai peruntukan yang sama, dalam kes *Wan Daud b. Wan Jusoh v. Mohamad bin Hj. Ali & Anor* [1988] 2 MLJ 384, pada ms 388 Hakim Wan Yahya memberikan pandangan seperti berikut:

My understanding of the section is that a petitioner who is desirous of challenging the election of a successful candidate must first of all be able to show the court that he has a right to be heard under any or all of the five situations enumerated under section 32. The format and essential contents of the petition which he is required to conform with are prescribed under rule 4. Paragraph (b) sub-rule (1) of the rule enacts in peremptory language that the petition shall state the facts and grounds relied on to sustain the prayer. This requirement is further repeated under paragraph 3 of the specimen form shown in sub-rule (4). A petition under rule 4 therefore must not only narrate the facts complained of but must relate or associate the complaints with the provision of the election laws the respondent is alleged to have transgressed. For instance, if the petitioner's complaint is on the irregularity in counting votes, he must factually account for the incident and then he has to state briefly why the act complained of is irregular – in the instant illustration, probably transgression of regulation 25 of the Election (Conduct of Election) Regulations 1981.

[36] Begitulah ketatnya pematuhan yang diperlukan kepada peruntukan undang-undang yang terbabit. Petisyen yang dikemukakan ini adalah cacat dan 'bad in law' kerana gagal mematuhi kehendak s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Kegagalan mematuhi peruntukan mandatori di dalam undang-undang pilihanraya dan berikutan dengan prinsip pematuhan ketat yang disebutkan, membawa padah kepada petisyen yang dikemukakan. Bantahan awal yang dibuat oleh responden-responden atas isu ini adalah bermerit dan petisyen ini hendaklah terbatal.

Peraturan-peraturan Pilihanraya (Pengundian Pos) 2003 *Ultra Vires* Peruntukan Dalam Akta Pilihan Raya 1958 Dan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan

[37] Di dalam perenggan 4.2 Petisyen, pempetisyen menyatakan perkara yang disebutkan di atas sebagai alasan pengemukaan petisyen ini dan dengan panjang lebar pempetisyen telah menurunkan berbagai sebab dan alasan bagi menunjukkan bahawa Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 itu adalah *ultra vires* peruntukan Akta ibunya iaitu Akta Pilihan Raya 1958 dan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan. Saya rasa tidak perlu diperturunkan apakah alasan-alasan yang dikemukakan itu, tetapi memadailah dengan saya katakan bahawa di atas penelitian yang saya buat kepada keseluruhan perenggan 4.2 petisyen

tersebut, ianya adalah di luar skop pemakaian s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Melalui perenggan 4.2.4 dan 4.2.5 petisyen tersebut pempetisyen mengatakan dan membangkitkan soal "constitutionality" dan kesahan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003. Perkara ini bukanlah merupakan isu yang boleh diputuskan oleh sesebuah mahkamah yang mendengar petisyen pilihan raya. Dalam menangani isu/alasan yang dibangkitkan ini, mahkamah ini tidak dapat lari dari memutuskan dan membuat suatu deklarasi tentang kesahan Peraturan-Peraturan tersebut. Malahan itulah maksud dan tujuan pempetisyen mengemukakan alasan ini. Pada hemat saya perkara ini adalah di luar bidangkuasa mahkamah ini. Saya mesti mengambil ingatan bahawa di dalam mendengar dan memutuskan kes-kes petisyen pilihan raya, apa yang dikatakan oleh Raja Azlan Shah LP di dalam kes *Tengku Korish v. Mohamed bin Jusoh & Anor* [1969] 1 LNS 189 mestilah dijadikan panduan. Di dalam kes tersebut hakim yang amat bijaksana itu mengatakan:

> It is well recognized that I must not go outside the province of the election laws. The Election Offences Act, 1954 confers certain rights and provides a remedy for enforcing those rights. Where that is the case, the remedy provided by that statute must be availed of ...
>
> What 'right' does that Election Offences Act 1954 confer, using the word 'right' in its broad sense? In my judgment, the right conferred by that Act is a special kind of right unknown to the common law or equity, and the court which administers it possesses a special kind of jurisdiction. It is not a civil right but a creature of statute or special law and must be subject to the limitation imposed by it. The statutory requirements of the election law are mandatory and must be strictly observed.

[38] Berpandukan dengan kata-kata di dalam petikan tersebut, saya tidak perlu pergi lebih jauh lagi mengenai alasan yang dikemukakan oleh pempetisyen ini. Memadailah dengan saya menyatakan bahawa bantahan pihak responden terhadap alasan ini adalah amat wajar dan bertepatan sekali. Petisyen pilihanraya tidak boleh diasaskan atas alasan seperti di dalam perenggan 4.2 petisyen ini. Hakim Dato' Ian Chin di dalam kes *Donald Lawan v. Mong AK Dagang and Third Party* [1998] 1 LNS 347 ada mengatakan:

... an election judge who only have powers as provided under ss. 35, 36 and 37 which do not include a power to make any declaration relating to the validity of any provision of the Act.

[39] Saya bersetuju dengan pengataan tersebut dan saya tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk membuat sebarang deklarasi tentang kesahan mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan yang disebutkan oleh pempetisyen.

[40] Pada kesimpulannya, mahkamah ini mendapati bahawa kedua-dua alasan yang dibangkitkan oleh pempetisyen di dalam Petisyen Pilihan Raya ini adalah tidak menepati kehendak s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Bantahan awal yang dikemukakan oleh responden-responden adalah bermerit dan dibenarkan. Saya memutuskan bahawa petisyen ini adalah dibatalkan dengan kos. Seterusnya, menurut peruntukan s. 36(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 saya juga memutuskan bahawa responden pertama telah di laporpilih dengan sewajarnya.